



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN MODEL PERKHIDMATAN SOKONGAN JURULATIH BOLA SEPAK DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH KUALA LUMPUR

ABDUL HALIM BIN ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PEMBINAAN MODEL PERKHIDMATAN SOKONGAN JURULATIH BOLA SEPAK DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH KUALA LUMPUR

ABDUL HALIM BIN ISMAIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS (KEJURULATIHAN SUKAN)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

	✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 6 April 2021

i. Perakuan pelajar:

Saya, ABDUL HALIM BIN ISMAIL (M20171000379, FSSKJ) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN MODEL PERKHIDMATAN SOKONGAN JURULATIH BOLA SEPAK DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH KUALA LUMPUR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ZULAKBAL BIN ABDUL KARIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN MODEL PERKHIDMATAN SOKONGAN JURULATIH BOLA SEPAK DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH KUALA LUMPUR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SAINS (KEJURULATIHAN SUKAN).

Tarikh

Tandatanga Penyelia





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, atas nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Dengan izin dan limpah kurniaaNya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga baginda serta para sahabat.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia Dr. Zulakbal bin Abdul Karim yang merupakan tulang belakang kepada terhasilnya penyelidikan ini.

Beliau telah memberi kerjasama yang begitu erat serta mengorbankan masa dan tenaga dalam membantu saya untuk menyiapkan tesis ini. Kata-kata semangat yang tidak putus daripada beliau membuatkan saya menjadi kuat dan bersemangat dalam mengharungi cabaran dankekangan dalam proses penghasilan kajian ini. Tunjuk ajar dan nasihat tidak pernah lekang daripada mulut beliau dalam memastikan saya terus berusaha melakukan yang terbaik. Tidak lupa, penghargaan saya kepada Dr. Thariq Khan bin Azizuddin Khan selaku penolong penyelia yang memberi kerjasama dan nasihat bagi melancarkan perjalanan penghasilan tesis ini. Seterusnya seluruh warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terutamanya Institut Pengajian Siswazah (IPS) yang memberi peluang kepada saya untuk meningkatkan ilmu pengetahuan serta melancarkan pengurusan pengajian saya di UPSI. Hanya Allah yang dapat membala jasa kalian semua.





Tanda ingatan tulus ikhlas dan kasih sayang saya dirakam kepada Allahyarhamah ibu, Inon binti Sunamiah dan Allahyarham bapa, Ismail bin Zainal, tanpa mereka saya tidak akan berada di dunia ini. Didikan dan sokongan yang diberi sejak kecil hingga besar tidak dapat saya balas kerana mereka, saya berjaya berada di mana saya berada sekarang. Alhamdulillah. Penghargaan ini juga ditujukan khas kepada keluarga, yang memberi sokongan moral untuk saya menghabiskan pengajian ini.

Nama-nama seperti Fakhrul, Najib, Nazrul, Ramesh, Shamsul, Zack dan ramai lagi merupakan rakan sepengajian dan seperjuangan yang sentiasa membantu dalam susah dan senang. Saya terhutang budi kepada mereka dan berharap mereka berjaya dalam bidang yang mereka ceburi. Tidak lupa kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan pihak sekolah tempat saya bertugas, SMK Wangsa Melawati dan Victoria Institution yang memberi sokongan, dorongan dan kerjasama kepada saya tanpa berbelah bahagi untuk meningkatkan taraf akademik saya bagi berbakti kepada nusa, bangsa dan negara.

Dan akhir sekali, kepada rakan-rakan jurulatih bola sepak dalam kalangan guru di Kuala Lumpur terutamanya 10 peserta kajian yang memberi kerjasama dan maklumat yang penting untuk menjadi sumber dalam penyelidikan ini. Diharap penyelidikan ini akan memberi manfaat kepada jurulatih dalam kalangan guru di masa akan datang. Hanya Allah yang dapat membalas jasa kalian semua. Assalamualaikum dan selamat sejahtera.





ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh jurulatih dalam kalangan guru. Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kajian kualitatif berdasarkan pendekatan '*Grounded Theory*' seperti yang dicadangkan oleh Strauss & Corbin. Temu bual semi berstruktur terhadap 10 orang peserta kajian digunakan dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan maklumat atau data premier yang mencapai kepada objektif kajian ini. Selain itu, data daripada pemerhatian dan analisis dokumen berkaitan dengan kejurulatihan juga dianalisis untuk menyokong data premier. Pemerolehan daripada semua data tersebut telah dianalisis menggunakan kaedah *Thematic Analysis* seperti yang telah dicadangkan oleh Patton. Setiap data perlu melalui proses pengekodan iaitu pengekodan terbuka, pengekodan paksi dan pengekodan pilihan yang membentuk tema berkaitan dengan perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh jurulatih dalam kalangan guru. Tema-tema yang terbentuk adalah pendidikan kejurulatihan, profesionalisme, laluan kerjaya, kemudahan latihan dan kurikulum bola sepak terkini. Melalui tema-tema tersebut maka penyelidikan ini berjaya mencadangkan sebuah Model Perkhidmatan Sokongan Jurulatih Bola Sepak dalam Kalangan Guru di Sekolah Kuala Lumpur yang dapat membantu jurulatih menjadi lebih kompeten dan berkesan dalam melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti di peringkat remaja khasnya di Kuala Lumpur. Diharapkan pihak-pihak terlibat di peringkat sekolah dapat membentuk pusat sumber dan pengurusan yang menggunakan model ini sebagai panduan dalam program pembangunan bola sepak khasnya untuk jurulatih dalam kalangan guru.





THE DEVELOPMENT OF A FOOTBALL COACH SUPPORT SERVICES MODEL AMONG TEACHERS IN KUALA LUMPUR

ABSTRACT

This research aims to identify the support services needed by coaches among teachers. The research method used in this research is a qualitative study based on the Grounded Theory approach as proposed by Strauss & Corbin. Semi-structured interviews with 10 study participants were used in this research to obtain information or premier data that reached the objectives of this study. In addition, data from observations and analysis of coaching-related documents were also analyzed to support premier data. The acquisition of all the data was analyzed using Thematic Analysis method as suggested by Patton. Each data needs to go through a coding process such as open coding, axial coding and selective coding that form a theme related to the support services needed by coaches among teachers. The themes formed are coaching education, professionalism, career paths, training facilities and the latest football curriculum. Through these themes, this research has succeeded in proposing a Football Coach Support Services Model among Teachers in Kuala Lumpur Schools that can help coaches become more competent and effective in producing quality football players at the youth level, especially in Kuala Lumpur. It is hoped that the parties involved at the school level can form a resource and management center that uses this model as a guide in football development programs especially for coaches among teachers.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	8
1.3	Pernyataan Masalah	13
1.4	Tujuan Kajian	15
1.5	Objektif Kajian	16
1.6	Persoalan Kajian	17
1.7	Kepentingan Kajian	18



1.8	Batasan Kajian	19
1.9	Definisi Operasional	20
1.9.1	Model	20
1.9.2	Jurulatih Dalam Kalangan Guru	21
1.9.3	Perkhidmatan Sokongan	21
1.10	Rumusan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	23
2.2	Penyelidikan Kualitatif dalam Kejurulatihan Bola Sepak	24
2.3	Teori Lapangan (<i>Grounded Theory</i>)	25
2.4	Isu-isu Kejurulatihan Bola Sepak	27
2.5	Sumber Pengetahuan Jurulatih Bola Sepak	29
2.6	Hala Tuju Jurulatih Bola Sepak	32
2.7	Cabarhan Jurulatih Bola Sepak	34
2.8	Bola Sepak	38
2.9	Guru	42
2.10	Jurulatih dalam Kalangan Guru	45
2.11	Model Perkhidmatan Sokongan Jurulatih Bola Sepak	48
2.12	Kesimpulan	52



**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.2.1	Justifikasi Pemilihan Teori Lapangan	60
3.3	Pensampelan dan Peserta Kajian	61
3.4	Kerangka Konsep Kajian	65
3.5	Instrumen Kajian	66
3.6	Pengumpulan Data	72
3.6.1	Temu Bual	74
3.6.2	Pemerhatian	76
3.6.3	Analisis Dokumen	78
3.6.4	Triangulasi Data	80
3.6.5	Diari dan Catatan Harian	82
3.6.6	Penamatan Pengumpulan Data	84
3.6.7	Kesahan Data	84
3.7	Penganalisisan Data	92
3.7.1	Langkah 1 – Pengekodan Terbuka	93
3.7.2	Langkah 2 – Teorikal Sensitiviti	94
3.7.3	Langkah 3 – Pengekodan Paksi	94
3.7.4	Langkah 4 – Pengekodan Pilihan	95
3.7.5	Langkah 5 – Proses	96
3.7.6	Langkah 6 – Pemerhatian Secara Visual	96
3.7.7	Langkah 7 – Teori Pensampelan	97
3.8	Analisis Tematik (<i>Thematic Analysis</i>)	98





3.9	Pembinaan Model	100
3.10	Kesimpulan	101

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	103
4.2	Peserta Kajian	105
4.3	Prosedur	108
4.4	Temu Bual	109
4.5	Pemerhatian/Kajian Lapangan dan Nota Lapangan	114
4.6	Analisis Data	125
4.6.1	Pengekodan Terbuka	126
4.6.2	Pengekodan Paksi	127
4.6.3	Pengekodan Pilihan	128
4.6.4	Triangulasi Data	129
4.7	Dapatan Kajian	136
4.7.1	Cabaran dan Kekangan	137
4.7.1.1	Tanggungjawab Kerja Hakiki	139
4.7.1.2	Hala Tuju yang Tidak Jelas	141
4.7.1.3	Sumber Kejurulatihan yang Terhad	143
4.7.1.4	Kemudahan Latihan tidak Lengkap	146
4.7.2	Perkhidmatan Sokongan	149
4.7.2.1	Pendidikan Kejurulatihan	151
4.7.2.2	Profesionalisme	154
4.7.2.3	Laluan Kerjaya	159





4.7.2.4 Kemudahan Latihan	162
4.7.2.5 Kurikulum Bola Sepak Terkini	166
4.8 Kesimpulan	170

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	173
5.2 Perbincangan	174
5.2.1 Cabaran atau Kekangan	175
5.2.2 Perkhidmatan dan Sistem Sokongan	181
5.3 Kesimpulan	188
5.3.1 Pembangunan Model	189
5.4 Cadangan	193
5.4.1 Pusat Sumber dan Pengurusan Jurulatih Dalam Kalangan Guru	196
5.5 Penutup	199



RUJUKAN

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Bilangan Jurulatih PLD di Kuala Lumpur	64
3.2 Contoh Soalan Temu Bual	66
3.3 Senarai Pakar untuk Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	73
3.4 Senarai Pakar untuk Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Analisis	86
3.5 Borang Pengesahan Panduan Temu Bual	87
3.6 Nilai Kappa dan Interpretasinya (tahap)	89
3.7 Nilai Persetujuan bagi Koefisien Kappa untuk Instrumen Kajian	89
4.1 Latar Belakang Kejurulatihan dan Demografi Peserta Kajian	107
4.2 Matrik Pengumpulan Data	108
4.3 Contoh Transkrip Temu Bual Peserta Kajian	112
4.4 Contoh Nota Lapangan Analisis Sesi Latihan	115
4.5 Contoh Nota Lapangan Analisis Perlawanan/Pertandingan	119
4.6 Contoh Jadual Program Latihan Jurulatih	124
4.7 Contoh Kod Terbuka	130
4.8 Contoh Pengekodan Paksi dan Pengekodan Pilihan	132
4.9 Nilai Persetujuan bagi Koefisien Kappa untuk Model	135





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Kerangka Konseptual Kajian	65
3.2 Prosedur untuk memperoleh suatu teori dengan Menggunakan Penelitian Teori Lapangan <i>(Grounded Theory)</i>	98
4.1 Kerangka Teoritikal Kajian Model Perkhidmatan Sokongan Jurulatih Bola Sepak Dalam Kalangan Guru	134
5.1 Model Perkhidmatan Sokongan Jurulatih Bola Sepak Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Kuala Lumpur	192





SENARAI SINGKATAN

AFC	Asia Football Confederation
AMD	Akademi Mokhtar Dahari
AT	Akademi Tunas
DNA	Deoxyribonucleic Acid
EGT	Evolved Grounded Theory
FAI	Football Association of Ireland
FAM	Perpustakaan Tuanku Bainun Football Association of Malaysia
FIFA	Fédération Internationale de Football Association
GT	Grounded Theory/Teori Lapangan
ICT	Information and Communication Technology
IY TMC	Incredible Years Teachers Classroom Management Programme
ISN	Institut Sukan Negara
IPG	Institut Perguruan Guru
J.League	Japan League
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KLFA	Kuala Lumpur Football Association
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MSN	Majlis Sukan Negara
MSSM	Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia





NFDP	National Football Development Programme
OUM	Open University Malaysia
PLD	Pusat Latihan Daerah
PPBN	Program Pembangunan Bola Sepak Negara
PSN	Pusat Sukan Negeri
RPH	Rancangan Pelajaran Harian
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SOP	Standard Operating Procedure
SPTS	Sukan Prestasi Tinggi Sekolah
SSM	Sekolah Sukan Malaysia
SSN	Sekolah Sukan Negeri
TC	Tunas Cemerlang



UKJK Ujian Kesihatan Jasmani Kebangsaan

UPM Universiti Putra Malaysia

UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Demografi
- B Borang Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen
- C Borang Kesahan dan Kebolehpercayaan Model
- D Senarai Pakar untuk Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Analisis
- E Surat Lantikan Pakar Penilai
- F Laporan Bulanan Pusat Latihan Daerah
- G Periodisasi Latihan
- H *Player Evaluation Form*





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Khoo Kay Kim (2017) menyatakan bahawa bola sepak bukanlah sekadar permainan, ia memerlukan seorang pemain untuk memiliki kebolehan untuk bukan sahaja berfikir secara positif dan secara intuitif malah memerlukan mereka berfikir secara cepat dan bertindak balas secara serta merta. Wong (2006) menganggarkan lebih 30 juta penonton di 214 negara menonton Piala Dunia 2006. Pada kejohanan Piala Dunia FIFA di Rusia 2018 pula, dilaporkan jumlah penonton di stadium untuk ke semua perlawanan berjumlah 3,031,768 juta bersamaan 47,371 ribu untuk satu-satu perlawanan (Fédération Internationale de Football Association, 2018). Bola sepak





merupakan sukan nombor satu di dunia dan ia juga merupakan sukan nombor satu di Malaysia (Kementerian Belia dan Sukan, 2013). Kenyataan di atas berserta dengan angka-angka yang ditunjukkan hanyalah bertujuan untuk menggambarkan bahawa bola sepak merupakan sukan yang amat popular kepada orang ramai dan telah memberi impak kepada kehidupan manusia sama ada sebagai pemain, jurulatih malah peminat.

Di alam maya pula, menurut mStar pada 30 Disember 2019, pemain bola sepak memiliki pengikut paling yang ramai di Instagram. Pemain sensasi Cristiano Ronaldo menjadi selebriti yang memiliki pengikut paling ramai iaitu lebih kurang 200 juta pengikut sejak membuka akaun Instagram pada Oktober 2018. Sukan ini meraih populariti mengikut peredaran zaman sehingga menjalankan satu fabrik masyarakat di seluruh dunia (Giulianotti, 2019). Ahli sejarah mendakwa sukan ini berasal dari China sejak abad ketiga sebelum masehi selepas meneliti beberapa aspek. Kemudian bukti lebih kukuh ditemui di England dan berkembang ke seluruh dunia. *Fédération Internationale de Football Association* (FIFA) menyatakan bahawa perlawanan pertama diadakan di Argentina pada tahun 1897 oleh sekumpulan orang Inggeris yang ketika itu sedang bekerja di Amerika Selatan. Apabila bola sepak semakin dikenali di seluruh dunia, sebuah badan pentadbiran universal diperlukan bagi mengendalikan perlawanan antarabangsa iaitu Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) yang dibentuk pada tahun 1904.

Di Malaysia, bola sepak mula diperkenalkan sekitar tahun 1920 di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang (Football Association of Malaysia, 2019). Selepas itu, bola sepak menjadi terkenal sehinggalah pelbagai peringkat memainkan sukan ini





termasuk di peringkat sekolah. Pelbagai kejohanan bola sepak dianjurkan melibatkan setiap peringkat umur bermula di peringkat sekolah sehingga di peringkat dunia. Di Malaysia, anjuran kejohanan bola sepak di peringkat remaja adalah bertujuan untuk melahirkan sebanyak mungkin pemain yang berkualiti dan mampu membawa cabaran pasukan Malaysia di peringkat dunia di masa hadapan. Bermula daripada kejohanan peringkat umur lapan, sembilan, 10, 11 dan 12 tahun sehingga kejohanan kategori bawah 13 hingga 17 tahun anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di bawah seliaan Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN). Manakala di peringkat sekolah, kejohanan di peringkat zon, daerah dan negeri termasuk kebangsaan diadakan setiap tahun untuk pemain bawah umur 15 dan 18 tahun yang diselihkan oleh Majlis Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Di peringkat kebangsaan yang dikawal selia oleh *Football Association Malaysia* (FAM), kejohanan melibatkan persatuan bola sepak negeri seluruh Malaysia seperti Piala Belia, Liga FAM, Liga Perdana Malaysia dan Liga Super Malaysia.

Populariti sukan bola sepak dunia menginspirasi semua lapisan masyarakat di Malaysia, tanpa mengira jantina, bangsa dan agama untuk terlibat dalam bola sepak sama ada bermain atau setidak-tidaknya mengambil tahu tentang bola sepak. Pihak kerajaan Malaysia mengambil berat berkenaan bola sepak menyebabkan sukan ini menjadi salah satu daripada program negara melalui Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN). Pelbagai pelan perlaksanaan dirancang, begitu juga dengan program bola sepak di setiap peringkat umur yang diwujudkan untuk memastikan bola sepak terus berkembang dan berjaya di Malaysia. Sekolah merupakan institusi penting





dalam mengenal pasti bakat awal kanak-kanak di Malaysia dalam sukan bola sepak. Program-program yang dijalankan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Persatuan Bola Sepak (FAM) dan pihak swasta untuk setiap peringkat umur bertujuan untuk melahirkan dan membekalkan pemain bola sepak yang berkualiti untuk negara.

Menurut Husin, Megat, Kamaluddin dan Rahmad (2017) sekolah ialah satu organisasi sosial yang meliputi satu kumpulan manusia yang menjalankan tugas secara berstruktur untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama. Menurut Zulakbal (2016), terdapat kira-kira 9,930 pemain berdaftar secara profesional dan 575,000 pemain tidak berdaftar di Malaysia (Program Pembangunan Bola Sepak Negara, 2014). Zulakbal menambah melalui temu bual bersama Gopalkrishnan pengawai FAM di unit kejurulatihan pula, di Malaysia terdapat 11 jurulatih bertaraf Diploma Profesional dan lebih daripada 700 jurulatih lesen B (318 jurulatih lanjutan-setara dengan lesen B), lebih daripada 4,000 jurulatih lesen C (lebih daripada 1,000 jurulatih awal-setara dengan lesen C), (Zulakbal, 2016). Memperkasakan unit kejurulatihan bola sepak di Malaysia diteruskan oleh pihak-pihak terlibat seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) dan *Asia's Football Confederation* (AFC) di semua peringkat termasuk jurulatih di peringkat remaja.

Sementara itu, antara program bola sepak yang pernah dijalankan di peringkat akar umbi dan remaja adalah seperti Program Bola Sepak Remaja Milo, Tunas Cemerlang (TC), Sukan Teras, Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS), mewujudkan sekolah atau Pusat Sukan Negeri (PSN), Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan yang





terbaru Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) yang ditempatkan di Pusat Latihan Daerah (PLD) di sekolah-sekolah terpilih seluruh negara. Pusat Latihan Daerah (PLD) terdapat di sekolah-sekolah yang menempatkan pemain dan jurulatih yang terpilih. Pada fasa pertama ini, sebanyak 36 Pusat Latihan Daerah (PLD), 14 buah Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan tiga buah Sekolah Sukan Malaysia (SSM) telah dibuka. Semua ini diwujudkan untuk menempatkan 1800 orang pelatih di Pusat Latihan Daerah (PLD), 700 orang pelatih di Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan 155 orang pelatih di Sekolah Sukan Malaysia (SSM).

Manakala tenaga jurulatih pula, seramai 108 orang ditempatkan di Pusat Latihan Daerah (PLD), 70 orang di Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan 15 orang di Sekolah Sukan Malaysia. Sebahagian besar jurulatih yang dilantik di semua Pusat Latihan Daerah (PLD) dan Sekolah Sukan Negeri (SSN) merupakan guru manakala di Sekolah Sukan Malaysia (SSM), guru dilantik sebagai pembantu jurulatih kepada jurulatih profesional yang telah dilantik oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui persatuan sukan masing-masing seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Pada peringkat awal pelaksanaan program ini, guru-guru menjalankan latihan secara separuh masa. Terdapat penambah baikan daripada segi tugas guru yang menjadi jurulatih dengan kewujudan jawatan jurulatih sepenuh masa di setiap Sekolah Sukan Negeri (SSN) buat masa ini. Guru-guru yang diserap ke jawatan ini akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada bola sepak di sekolah-sekolah yang menjadi Pusat Latihan Negeri (PLD) dan Sekolah Sukan Negeri (SSN) (Program Pembangunan Bola Sepak Negara Fasa Satu 2014 – 2020).





Setelah pelaksanaan program ini berjalan sejak 2014 dalam fasa pertama, timbul beberapa cabaran atau kekangan terutamanya faktor kejurulatihan yang melibatkan guru. Sebagai penyelidik yang mempunyai pengalaman dalam bidang ini melihat beberapa penambah baik dilakukan, namun masalah tetap timbul, antaranya tanggungjawab tugas hakiki sebagai guru, masa latihan, tempat latihan, sumber pengetahuan jurulatih dan sebagainya. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan melihat isu-isu mengenai cabaran dan permasalahan yang wujud selain mengenal pasti sokongan yang diperlukan oleh guru yang menjadi jurulatih di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) dan seterusnya mencadangkan satu model yang sesuai dan ideal untuk memberi perkhidmatan sokongan kepada jurulatih bola sepak dalam kalangan guru untuk memastikan keberkesanan bidang kejurulatihan dalam kalangan guru di sekolah terutamanya di Kuala Lumpur.



Menurut Michael (2016), salah satu cabaran besar masa kini adalah untuk mendidik anak-anak dan belia untuk menjalani kehidupan yang aktif dan sihat secara fizikal sehingga mereka dewasa. Beliau menambah, untuk melakukannya, pertama kita harus memastikan bahawa keutamaan misi tertinggi untuk program pendidikan jasmani di sekolah untuk mempromosikan kesihatan awam melalui aktiviti fizikal. Sementara itu, dalam kajian Peter, Joanne, Kate, dan Ian (2009), lima daripada 10 tema yang menunjukkan bahawa jurulatih mengalami pelbagai tekanan seperti konflik, tekanan terhadap harapan, keimbangan atlet, persiapan pertandingan, pengasingan mempunyai perkaitan dalam penyelidikan ini. Mereka menambah bahawa konflik dalam organisasi muncul sebagai tema utama yang menunjukkan





kemahiran komunikasi penting dalam membantu jurulatih berfungsi dengan berkesan sebagai sebahagian daripada organisasi yang lebih luas.

Penyelidikan oleh Wade, Jenelle, dan Trudel (2001) mendapati bahawa masalah dengan tingkah laku dan prestasi atlet adalah perkara biasa dan menimbulkan banyak cabaran kepada jurulatih sukan remaja. Jurulatih sukan di peringkat remaja dan belia mesti mempertimbangkan ciri-ciri atlet dan persekitaran kompetitif dengan teliti sebelum merancang dan bereksperimen dengan strategi latihan. Selain itu, kejayaan kerja berpasukan memerlukan pengurusan yang baik dan cekap; peranan pengurusan yang berkesan dalam menentukan kejayaan dan kegagalan kumpulan dan organisasi tidak boleh diabaikan (Afsaneh, Maryam, Aboulfazl, & Elahe, 2013). Mereka menambah, dalam sukan, peranan ini diberikan kepada jurulatih yang akan memastikan latihan dan pengurusannya lebih efektif dalam meningkatkan prestasi atlet.



Banyak lagi isu mengenai cabaran atau kekangan yang dihadapi oleh jurulatih sukan. Peranan yang dimainkan oleh jurulatih akan menentukan hala tuju dan kejayaan sukan diceburi. Peranan ini bertambah penting apabila kejayaan sesuatu sukan bermula dari peringkat awal lagi. Program yang kukuh di peringkat remaja akan membantu pasukan kebangsaan menjadi kuat dan berdaya saing di peringkat dunia. Di Malaysia, institusi sekolah memainkan peranan penting dalam melahirkan atlet muda yang berbakat. Jurulatih di peringkat akar umbi dan remaja perlu memainkan peranan dengan lebih aktif dengan mempunyai perancangan yang bersistematis untuk melatih atlet yang akan mewakili negara di peringkat dunia. Oleh itu, penglibatan guru yang dilantik menjadi jurulatih di sekolah perlu diperkuuhkan





bagi membantu mereka menjalankan tugas kejurulatihan di peringkat sekolah akan berjaya (Program Pembangunan Bola Sepak Negara Fasa Satu 2014 – 2020).

1.2 Latar Belakang Kajian

Ramai pihak termasuk Persatuan Sukan Kebangsaan (NSA) kerap menudung jari kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang isu-isu pembangunan sukan di peringkat akar umbi (Husin, Megat, Kamaluddin & Rahmad, 2017). Selain daripada itu, menurut Ahmad, Zulkarnain dan Norbaizura (2013), pembangunan sukan di peringkat remaja sekarang telah gagal kerana pihak sekolah dan kelab tidak memainkan peranannya yang berkesan dalam menggerakkan program pembangunan di seluruh Malaysia untuk mencari bakat baharu. Tetapi adakah mereka sedar akan

keperluan dan khidmat sokongan yang diperlukan oleh jurulatih di peringkat sekolah?

Justeru, Penyelidikan ini telah menghuraikan persoalan, sama ada yang membantu atau menghalang kredibiliti jurulatih dalam kalangan guru di peringkat akar umbi dan remaja. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat sendiri, sebuah negara yang maju dalam pelbagai sukan, kajian telah mendapati bahawa program peningkatan pendidikan jurulatih yang rasmi dapat mempengaruhi peningkatan pengetahuan dan prestasi jurulatih, tetapi hanya segelintir sahaja daripada jurulatih belia atau remaja yang terlibat (Clark, 2000).

Usaha majikan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan badan induk bola sepak negara FAM juga perlu diberi tumpuan supaya dapat meningkatkan





profesionalisme kejurulatihan dalam kalangan guru. Adakah kemahiran, kebajikan dan pengetahuan guru yang menjadi jurulatih dikembangkan dan ditingkatkan?

Bagaimanakah seorang guru yang tidak mempunyai pengalaman bermain bola sepak di peringkat tertinggi dapat menjalankan tugas melatih setanding dengan jurulatih profesional, sedangkan guru tersebut tidak diberi perkhidmatan sokongan yang diperlukan? Persoalan ini timbul disebabkan kemampuan seseorang jurulatih terutamanya di peringkat akar umbi dan remaja sangat memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam sukan yang diceburi itu.

Terdapat juga persoalan yang meragui kebolehan jurulatih dalam kalangan guru untuk menjalankan tugas sebagai jurulatih dalam program bola sepak negara dalam memastikan pemain yang lahir merupakan pemain yang berkualiti untuk bersaing di peringkat tinggi. Rata-rata guru yang terlibat dalam program pembangunan bola sepak di sekolah bukanlah pemain profesional atau pemain bola sepak di peringkat tinggi, namun adakah bantuan dan sokongan yang mereka perlukan itu diberi perhatian dan dilaksanakan oleh pihak-pihak terlibat dengan program pembangunan bola sepak akar umbi dan remaja di sekolah?

Jurulatih yang berwibawa memerlukan persekitaran yang positif dalam membantu mereka untuk melatih. Namun, bilakah kemudahan yang lebih lengkap dan berteknologi terkini sejajar dengan perkembangan semasa bola sepak moden dapat disediakan di sekolah-sekolah yang terlibat dengan Pusat Latihan Daerah (PLD)?

Dalam penyelidikan ini, jurulatih dalam kalangan guru memberi gambaran awal bahawa guru tidak mempunyai masalah untuk melatih pasukan bola sepak, maka kajian ini menggunakan pendekatan seperti teori lapangan atau *Grounded Theory*





yang sesuai menggambarkan situasi tersebut. Hal ini kerana di sekolah, selain daripada mengajar, guru-guru juga perlu menjadi guru penasihat dan tenaga pengajar dalam aktiviti kurikulum termasuk sukan bola sepak. Guru-guru juga perlu mengurus aktiviti kurikulum untuk murid di peringkat sekolah sama ada ke pertandingan, kursus, lawatan dan sebagainya berdasarkan jadual yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penyelidik merupakan salah seorang jurulatih dalam kalangan guru yang telah terlibat dengan program pembangunan bola sepak di peringkat remaja di institusi sekolah. Patton (2015; 2002) menyatakan bahawa cara mengumpul data boleh dilakukan dengan tiga cara melalui temu bual, pemerhatian dan nota lapangan, maka dalam penyelidikan ini, penyelidik juga turut melibatkan diri dalam sesi latihan secara konsisten untuk mengumpul data melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang berkaitan. Kaedah pengumpulan

data ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab 3, Metodologi kajian. Selain itu, penyelidik merujuk beberapa kajian yang menggunakan kaedah kualitatif seperti seperti Zulakbal, Najib dan Ali (2018), Zulakbal, Amalina dan Ali (2018), Zulakbal (2016), Mohar Kassim (2014) dan Light (2006) supaya menjadi panduan kepada penyelidik untuk melengkapkan penyelidikan ini.

Di Kuala Lumpur pelbagai program pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi dan remaja diadakan sama pihak kerajaan mahupun swasta. Selain daripada membekalkan pemain yang berkualiti untuk pasukan kebangsaan, pemain-pemain di peringkat akar umbi dan remaja dilatih untuk keperluan pasukan negeri di bawah Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA). Selain daripada penglibatan Pusat





Latihan Daerah (PLD), kelab dan akademi bola sepak juga turut serta dalam mengembangkan bakat kanak-kanak dan remaja di seluruh Kuala Lumpur.

Setelah beberapa program pembangunan telah dilaksanakan terutamanya sejak penglibatan penyelidik dalam bola sepak di peringkat remaja pada tahun 2006, kejayaan pasukan bola sepak Kuala Lumpur di peringkat sekolah dan remaja tidak konsisten. Terutamanya sejak lima tahun kebelakangan ini, prestasi pasukan Kuala Lumpur tidak menunjukkan peningkatan. Keadaan ini bertambah parah apabila pasukan negara di peringkat remaja juga tidak menunjukkan prestasi yang baik sama ada di peringkat Asean mahupun di peringkat Asia apatah lagi di peringkat dunia. Pasukan bola sepak negara juga terjejas sejak sekian lama kerana pemain pelapis yang dilatih tidak dapat menunjukkan prestasi yang baik di peringkat tinggi.

Bertitik tolak kepada kemerosotan bola sepak Malaysia yang tiada penghujungnya, pertemuan semua pemegang taruh dalam bola sepak negara seperti Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), wakil-wakil persatuan bola sepak negeri, wakil-wakil bekas-bekas pemain profesional dan media telah diadakan pada 2008 di Bukit Jalil. Menteri yang memegang portfolio di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ketika itu, Dato' Sri Ismail Yaakob membuat satu simposium untuk mendapatkan pandangan, perbincangan dan mencari jalan meningkatkan prestasi bola sepak negara. Sehingga pada 2014, Menteri Belia dan Sukan ketika itu, Encik Khairy Jamaludin telah melaksanakan Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) untuk memperkasakan sukan bola sepak terutamanya di peringkat akar umbi dan remaja di sekolah. Secara tidak langsung, keterlibatan guru dalam program pembangunan bola





sepak menjadi lebih penting. Guru-guru yang berpengalaman dan berkelayakan dalam bidang kejurulatihan bola sepak dilantik sama ada sebagai jurulatih sepenuh masa mahupun separuh masa untuk menjayakan program tersebut.

Setelah fasa pertama Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) dilaksanakan sehingga 2019, objektif program gagal dicapai walaupun pelbagai perancangan telah dilakukan. Zulakbal, Najib, dan Ali (2018) menyatakan terdapat beberapa isu, cabaran dan punca yang berlaku dalam pelaksanaan Program Bola Sepak Negara (PPBN). Oleh itu, jurulatih dalam kalangan guru juga terlibat sama memikul tanggungjawab atas kegagalan ini. Beberapa cabaran dankekangan yang menjadi isu kepada kegagalan jurulatih dalam kalangan guru untuk melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti di sekolah.

Penyelidik ingin mengenal pasti cabaran atau kekangan yang dihadapi oleh jurulatih dalam kalangan guru terutamanya di sekolah dan Pusat Latihan Daerah (PLD) Kuala Lumpur. Selain itu penyelidik juga ingin mengenal pasti bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh jurulatih tersebut. Dapatan daripada data tersebut penyelidik akan membentuk satu model perkhidmatan sokongan jurulatih dalam kalangan guru di sekolah Kuala Lumpur yang dapat membantu mereka menjadi lebih baik. Model ini perlu dikawal selia oleh pihak yang terlibat dengan program pembangunan bola sepak yang mengumpulkan segala keperluan dan bantuan sokongan di satu tempat pengurusan kahsnya untuk jurulatih dalam kalangan guru.





1.3 Pernyataan Masalah

Pemain bola sepak di Sekolah Pusat Latihan Daerah (PLD) terdiri daripada pelajar sekolah menengah berumur 13 hingga 17 tahun. Untuk melaksanakan program di Pusat Latihan Daerah (PLD) ini, sekolah merupakan institusi yang terlibat secara langsung dalam pencarian bakat pemain bola sepak di peringkat remaja yang bakal membawa cabaran Malaysia untuk bersaing bukan sahaja dalam negara-negara Asean tetapi juga di peringkat Asia dan seterusnya dunia. Menurut Muhyiddin Yassin (2014), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan pemegang watak utama kerana pelatih peringkat umur 7 hingga 17 tahun tersebut yang terdiri daripada murid sekolah rendah dan menengah. Sebahagian besar komponen yang digunakan bagi menjayakan program ini berada di bawah seliaan dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk murid dan para guru yang bertugas sebagai jurulatih. Tambahan lagi, semua kemudahan termasuk peralatan, padang, dewan tertutup dan seumpamanya telah digunakan dalam program ini sebagai pusat latihan dan pertandingan.

Guru menjadi peserta dalam kajian ini kerana guru yang memainkan penting dalam mencungkil pemain yang berbakat di peringkat akar umbi terutamanya di Pusat Latihan Daerah (PLD). Pada peringkat ini, kemahiran, pengalaman, kepakaran dan sebagainya perlu dilengkapkan kepada guru yang ditugaskan untuk melatih. Guru perlu mempunyai semua ciri-ciri tersebut untuk melahirkan pemain yang berkualiti mengikut peringkat umur. Bagi melaksanakan peranan ini, guru berhadapan dengan pelbagai keadaan dan persoalan kerencaman tugas harian sebagai guru dan jurulatih



(Konukman, Agbuğa, Erdoğan, Zorba, Demirhan & Yılmaz, 2010). Pembinaan model perkhidmatan sokongan untuk jurulatih dalam kalangan guru perlu dihasilkan agar dapat membantu golongan ini ditadbir urus dengan lebih tersusun dan berpusat dalam bidang kejurulatihan bola sepak?

Menurut Utusan Malaysia pada hari Sabtu, 28 Julai 2018; keluhan guru seperti tugas mendisiplin pelajar, tugasan 3K (kebersihan, keselamatan dan keceriaan), tugas mengajar yang banyak tertangguh, tekanan daripada ibu bapa, terlalu banyak program kurikulum dan kokurikulum, mencari tajaan untuk aktiviti sekolah dan lain-lain telah menyebabkan tanggungjawab bertambah sehingga menurunkan prestasi seseorang guru untuk mendidik dan melatih. Pencapaian pasukan Kuala Lumpur dalam pertandingan di peringkat sekolah seperti Kejohanan Bola Sepak MSSM dan Kejohanan Bola Sepak KPM juga tidak memuaskan sejak kebelakangan ini. Menurut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi pengalaman penyelidik, prestasi pasukan remaja Kuala Lumpur dilihat tidak konsisten walaupun pemain remaja di Kuala Lumpur mempunyai bakat bermain bola sepak yang baik kerana mereka terdedah kepada persekitaran bola sepak yang kompetitif berbanding rakan sebaya mereka yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Justeru penyelidikan ini mencadangkan untuk melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh jurulatih dalam kalangan guru di Kuala Lumpur dalam usaha untuk menjalankan tugas melatih di samping melaksanakan tugas hakiki sebagai guru. Selain itu, cabaran-cabaran lain juga seperti kemampuan jurulatih dalam kalangan guru untuk memikul tugas sebagai jurulatih bola sepak di peringkat remaja perlu dikenal pasti.



1.4 Tujuan Kajian

Menurut Lumpkin (2010) guru dan jurulatih adalah seorang yang dipercayai dapat menjadi pemimpin kerana secara dasarnya mereka dapat mempengaruhi tindakan dan perilaku seseorang pelajar atau atlet. Guru dan jurulatih percaya bahawa ibu bapa mahukan anak mereka bukan sahaja mahir dalam sesuatu sukan tetapi juga cara terbaik menjalani kehidupan. Guru dan jurulatih menampakkan kepimpinannya dengan membantu pelajar atau atlet memberi tumpuan yang serius pada pelajaran dan dalam masa yang sama membangunkan kemahiran sukan serta menjadi atlet yang berjaya.

Secara umum, penyelidikan ini perlu melihat isu-isu mengenai cabaran dan permasalahan yang wujud selain mengenal pasti keberkesanan seorang guru yang menjadi jurulatih di bawah Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN). Pada tahun 2009, Program Sukan Teras telah dilaksanakan di peringkat sekolah dengan mengambil kira peranan sekolah sebagai pusat pembangunan bakat sukan yang lebih efektif dan berkesan. Pelaksanaan program pembangunan bola sepak peringkat sekolah ini diserahkan sepenuhnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejajar dengan pembangunan sukan di sekolah dengan terbentuknya Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) termasuk sukan bola sepak (Program Pembangunan Bola Sepak Negara Fasa Satu, 2014 – 2020).

Tugas melatih pemain yang berada dalam pembangunan ini, bukan satu tugas mudah kerana pemain bawah umur perlu diberi latihan yang berkesan bagi mengembangkan bakat mereka dalam bidang bola sepak. Pengetahuan jurulatih





berubah-ubah bergantung kepada pelbagai sumber yang mereka pelajari sehingga mengubah struktur kognitif mereka (Werthner & Trudel, 2006). Melatih pemain di peringkat akar umbi secara profesional masih tidak sesuai kerana mereka masih dalam peringkat pembelajaran, maka mereka perlu dibimbing bukan sahaja kemahiran bermain bola tetapi menyelaraskan aspek emosi dan mental mereka dalam menjadi seorang pemain bola sepak yang mampu bersaing di peringkat dunia.

Di sekolah, orang yang paling hampir dengan golongan remaja adalah guru. Guru merupakan orang paling sesuai dalam memastikan pemain bola sepak di peringkat pembangunan ini mencapai misi dan visi dalam sukan ini. Namun kemahiran jurulatih dalam kalangan guru perlu ditingkatkan terutamanya memahami secara mendalam tentang bola sepak dan menyampaikan kefahaman mereka secara berkesan kepada pemain. Justeru, satu penyelidikan perlu dijalankan untuk melihat apakah bentuk khidmat sokongan yang dapat diberikan kepada jurulatih dalam kalangan guru untuk meningkatkan tahap kemahiran kejurulatihan mereka.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gambaran menyeluruh cabaran dan kekangan jurulatih bola sepak dalam kalangan guru mengenai bola sepak di Pusat Latihan Daerah (PLD) dan Sekolah Sukan Negeri (SSN) Kuala Lumpur serta perkhidmatan sokongan yang perlukan oleh mereka. Tujuan khusus penyelidikan ini, memfokuskan keperluan dan kebaikan jurulatih dalam kalangan guru di Pusat Latihan Daerah (PLD) dan Sekolah Sukan Negeri (SSN), antaranya:





1. Mengenal pasti isu-isu berkenaan cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh jurulatih dalam kalangan guru dalam melaksanakan tugas.
2. Mengenal pasti bantuan dan sokongan daripada pihak yang berkaitan dengan bola sepak yang dapat meningkatkan kemampuan guru sebagai jurulatih untuk mereka membantu pemain meningkatkan prestasi permainan mereka.
3. Membina model untuk memberi perkhidmatan sokongan kepada guru yang merupakan jurulatih bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) supaya mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru untuk menjadi jurulatih bola sepak yang berkualiti.

Semua objektif ini dihuraikan secara menyeluruh agar hasil penyelidikan dapat membantu jurulatih dalam kalangan guru untuk menyumbang ilmu dan kemahiran mereka dalam memastikan kejayaan program bola sepak remaja khasnya di sekolah Kuala Lumpur.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini memberi tumpuan terhadap isu utama yang menjadi perhatian dalam penyelidikan ini. Bagi memastikan objektif kajian dihuraikan dengan jelas, berikut merupakan persoalan kajian dalam penyelidikan ini:

1. Adakah isu-isu yang menjadi cabaran atau kekangan kepada jurulatih dalam kalangan guru di sekolah sama ada dalam bidang guru dan jurulatih bola sepak yang perlu diselesaikan segera?





2. Apakah perkhidmatan sokongan yang diperlukan jurulatih bola sepak dalam kalangan guru untuk menjadi jurulatih bola sepak yang berkualiti?
3. Apakah model yang perlu dibentuk untuk membantu guru yang terlibat dalam kajian ini melaksanakan tugas melatih dengan berkesan?

1.7 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan penyelidikan ini adalah kepada guru yang dilantik menjadi jurulatih. Pembinaan model ini dapat memberi perkhidmatan sokongan kepada guru di sekolah Kuala Lumpur untuk mendapat bantuan yang diperlukan daripada pihak-pihak berkaitan dalam bola sepak agar dapat menangani isu-isu yang menjadi cabaran atau kekangan dalam melaksanakan tugas sebagai jurulatih di sekolah.



Hal ini melibatkan, Majlis sukan Negara (MSN) melalui Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA) memberi panduan dan membentuk kerjasama yang lebih menyeluruh bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya guru yang dilantik menjadi jurulatih dapat menjalankan program pembangunan bola sepak di sekolah dengan lebih berkesan. Secara tidak langsung, kepakaran guru yang menjadi jurulatih di sekolah dapat digunakan ke tahap yang optimum.

Seterusnya, keterlibatan murid dan guru di peringkat sekolah dalam program pembangunan bola sepak adalah sistem yang digunakan untuk melahirkan pemain bola sepak di peringkat negara. Oleh itu, Pihak KPM dan Jabatan Pendidikan Kuala



Lumpur (JPWP) seharusnya menilai semula keperluan untuk menjadikan sekolah yang terlibat dengan PLD di Kuala Lumpur ditadbir urus dengan persekitaran sukan yang lebih baik dan terancang seperti yang telah dilakukan di sekolah sukan Malaysia.

Kemampuan guru-guru yang terlatih dalam bidang kejurulatihan bola sepak harus diguna pakai serta ditingkatkan ke tahap yang lebih baik untuk membentuk kepercayaan pihak-pihak yang terlibat dengan program pembangunan bola sepak dalam melahirkan pemain bola sepak yang dapat membawa kejayaan kepada pasukan Kuala Lumpur sama ada di peringkat remaja, negeri dan seterusnya untuk negara.

1.8 Batasan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di sekitar Pusat Latihan Daerah (PLD) Kuala Lumpur.

Kesemua Jurulatih bola sepak dalam program ini merupakan guru yang bertugas di sekitar sekolah Kuala Lumpur. Sebilangan besar daripada jurulatih bola sepak di peringkat remaja berstatus jurulatih separuh masa disebabkan tugas hakiki mereka sebagai guru. Beberapa batasan kajian dikenal pasti untuk penyelidikan ini:

1. Penyelidik merupakan instrumen utama yang telah terlibat dengan program pembangunan bola sepak peringkat remaja di Kuala Lumpur.
2. Penyelidikan hanya menumpukan kepada jurulatih dan pemain dalam program pembangunan remaja di empat Pusat Latihan Daerah (PLD) Kuala Lumpur dan satu Sekolah Sukan Negeri Kuala Lumpur sahaja.
3. Populasi kajian adalah seramai 25 orang yang mewakili Pusat Latihan Daerah (PLD) di sekitar Kuala Lumpur. Mereka merupakan jurulatih dalam kalangan



guru yang dipilih kerana komitmen dan kesungguhan mereka dalam program pembangunan peringkat remaja yang dapat memberi gambar menyeluruh tentang penyelidikan ini. Jumlah sampel atau peserta kajian bergantung kepada ketepuan maklumat (*Saturation of Information*) yang diperoleh daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen berkaitan dengan mereka.

4. Kajian ini hanya sesuai dilakukan di Kuala Lumpur memandangkan penyelidik telah terlibat dengan bidang kejurutarian di peringkat sekolah di Kuala Lumpur. Cabaran yang dihadapi oleh jurulatih dalam kalangan guru sehingga memperlihatkan pasukan remaja Kuala Lumpur khasnya di peringkat sekolah mengalami kemerosotan prestasi. Oleh itu kajian ini hanya bersesuaian di sekolah Kuala Lumpur.
5. Kajian ini tidak sesuai digunakan di tempat atau negeri lain kerana terdapat cabaran dan kekangan lain berdasarkan persekitaran, pengurusan, sosio budaya, ekonomi dan sebagainya yang berlainan dengan kawasan di Kuala Lumpur.

1.9 Definisi Operasional

Terdapat tiga definisi operasional dalam penyelidikan ini:

1.9.1 Model

Model bermaksud seseorang atau sesuatu yang dapat dijadikan contoh untuk ditiru atau diikuti. Model adalah bentuk representasi yang tepat sebagai satu proses sebenar





yang memungkinkan seseorang atau sekelompok orang mengikuti atau cuba bertindak berdasarkan model tersebut (Ismail, 2011).

1.9.2 Jurulatih dalam Kalangan Guru.

Individu yang mengajar, pendidik, pengajar, pengasuh. Definisi guru profesional adalah kemampuan seorang guru untuk melaksanakan tugas hakiki sebagai pendidik dan pengajar yang meliputi kemampuan dalam merencanakan, menjalankan dan mengevaluasi hasil pembelajaran (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2012). Jurulatih sukan merupakan individu yang berperanan sebagai pelatih, pengajar, pembimbing dan menjalankan tugas yang berkaitan sukan. Dalam penyelidikan ini jurulatih bermaksud jurulatih bola sepak Pusat Latihan Daerah (PLD) dan Sekolah Sukan Negeri (SSN) Kuala Lumpur terlibat merupakan guru



1.9.3 Perkhidmatan Sokongan

Perkhidmatan sokongan bermaksud sebagai satu gaya perhubungan secara langsung sekurang-kurangnya antara dua kumpulan yang bersetuju dalam membuat keputusan untuk mencapai matlamat yang sama. Perkhidmatan bermaksud kerja, usaha, kemudahan dan lain-lain untuk memenuhi keperluan atau kepentingan orang ramai. Manakala sokongan pula bermaksud perbuatan menyatakan persetujuan dan memberi perangsang dengan atau tanpa bantuan kebendaan, bantuan wang dan lain-lain (Cook & Friend 1991). Menurut Reinke, Stortmont, Herman, dan Newcomer (2013)





Perkhidmatan sokongan adalah penentuan isi dan sokongan untuk penggunaan strategi, memberi maklum balas mengenai kemahiran guru dan proses pengajaran interpersonal dengan pelajar, model tindakan yang berkesan, dan menyokong perancangan tindakan yang menjadi halangan dan cabaran.

1.10 Rumusan

Dalam bab ini penyelidik telah menjelaskan latar belakang kajian, pernyataan masalah dalam kajian ini, tujuan kajian ini dilakukan, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian ini. Semua telah dijelaskan secara ringkas tetapi padat untuk memberi gambaran menyeluruh tentang penyelidikan ini.



Penyelidik terlibat secara langsung dengan tajuk ini dan berharap hasil penyelidikan ini menjadi penanda aras kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam program pembangunan pemain bola akar umbi untuk membantu jurulatih dalam kalangan guru. Penyelidik telah mengenal pasti isu-isu yang menjadi cabaran atau kekangan serta bantuan dan sokongan yang diperlukan oleh jurulatih bola sepak dalam kalangan guru di Kuala Lumpur juga telah diutarakan secara ringkas dalam bab ini dan telah diterang dengan lebih terinci dalam bab-bab yang berikutnya. Tumpuan diberi kepada kemampuan guru menjalankan tugas sebagai jurulatih bola sepak dan perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh guru untuk memudahkan pelaksanaan latihan bola sepak di sekolah.

